



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI TERENGGANU**

Tingkat 11, Wisma Persekutuan
20594 Kuala Terengganu
Terengganu

Tel : 09-6278200
Faks : 09-6222137
Website : www.anm.gov.my

Ruj. Kami : JANM.TRG.A.400-1 Jld.3⁸⁹
Tarikh : 6 Julai 2022

Semua Ketua Jabatan Persekutuan/Ketua Pusat Tanggungjawab(PTJ)

Tuan,

PENYELENGGARAAN LAPORAN KEWANGAN DAN PERAKAUNAN

Dengan hormatnya saya merujuk perkara tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan Jabatan Akauntan Negara Malaysia(JANM) telah mengeluarkan Penyelenggaraan Laporan Kewangan dan Perakaunan yang diperincikan melalui Soalan Lazim Penyelenggaraan Laporan Kewangan dan Perakaunan JANM. BKP.600-14/1/11 Jld.4(7) bertarikh 24 Jun 2022. Ianya merupakan garis panduan kepada PTJ, Kementerian dan Pejabat Perakaunan dalam melaksanakan penyelenggaraan laporan kewangan dan perakaunan.

3. Garis panduan ini hendaklah dibaca bersama Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia(SPANM) yang berkaitan iaitu:-

- i) SPANM Bil. 7 Tahun 2018 - Tatacara Pengurusan Bayaran;
- ii) SPANM Bil. 3 Tahun 2019 - Tatacara Pengurusan Terimaan; dan
- iii) SPANM Bil. 1 Tahun 2020 - Tatacara Pengurusan Bayaran Emolumen Pegawai Awam Persekutuan.


4. Sehubungan dengan itu semua PTJ perlu memastikan penyediaan dokumentasi ini mengikut format yang telah dikeluarkan mulai **laporan bulan Julai 2022** untuk **dikemukakan pada bulan Ogos 2022 ke Pejabat Perakaunan**.

5. Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan, boleh hubungi Pn. Jihadah dan Pn. Zarida di talian 09-6278219/218. Kerjasama dan tindakan semua PTJ amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul"

Saya yang menjalankan amanah,


(MAZLAN BIN MUDA, C.A.(M))

Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Negeri Terengganu